

**PENGARUH PERKEMBANGAN SAINS & TEKNOLOGI  
TERHADAP AKTIVITI PENTERJEMAHAN**

**ARIFFIN SAMSURI (Prof. Madya Dr.)**  
~~Fakulti Kej. Kimia & Kej. Sumber Asli~~  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai, Johor

✓  
15

**PENDAHULUAN**

Perkembangan ilmu pengetahuan dan pembangunan ekonomi yang pesat perlu diiringi dengan kegiatan pemindahan ilmu serta maklumat yang berkesan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat dapat mengikuti perkembangan yang berlaku dan mengambil peluang yang wujud akibat perubahan yang terjadi sehingga mampu turut serta dalam kancuh pembangunan negara. Setakat ini terdapat dua teori mengenai pemindahan ilmu terutamanya dari luar negara, iaitu teori kaedah langsung dan teori kaedah tidak langsung. Teori kaedah langsung mengusulkan supaya kita mempelajari dan menguasai bahasa sumber ilmu serta memahami ilmu berkaitan dalam bahasa sumbernya. Teori kaedah tidak langsung mengusulkan karya ilmu dari bahasa lain diterjemahkan kepada bahasa bangsa berkenaan untuk kemudiannya diterbitkan semula dalam bahasa bangsa yang berkaitan supaya dapat dibaca dan difahami oleh setiap lapisan masyarakat dalam bahasa mereka sendiri, iaitu melalui aktiviti terjemahan.

Dengan demikian, terjemahan merupakan salah satu kaedah penting dan berkesan dalam proses pemindahan ilmu serta maklumat kerana mempunyai dua kelebihan, iaitu sangat cepat dan penyebaran ilmu cepat merebak kerana mampu dibaca oleh setiap lapisan masyarakat dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, keberkesanan proses penterjemahan dan penyebaran ilmu yang berkaitan bergantung kepada empat aspek utama, iaitu perkembangan ilmu, penterjemah, pembuat dasar dan pengguna. Sebagaimana yang diketahui umum, ilmu sains dan teknologi berkembang dengan pesat sekali sehingga sukar bagi penterjemah untuk bersaing dengan perkembangan yang berlaku dan keperluan pasaran semasa. Ilmu sains dan teknologi berkembang melalui dua aspek, iaitu perkembangan bidang-bidang baru dan perkembangan konsep atau teori baru dalam bidang-bidang yang sedia wujud.

Keadaan ini bertambah genting dengan meningkatnya penggunaan komputer serta teknologi maklumat dalam kehidupan harian, konsep globalisasi dan pengwujudan koridor raya multimedia. Dengan perubahan yang berlaku ini, wujud persoalan sama ada aktiviti penterjemahan masih merupakan suatu keperluan strategik untuk membangun sesuatu bangsa atau hanya merupakan salah satu bidang ilmu sahaja. Perkembangan masa depan aktiviti penterjemahan banyak bergantung kepada penerimaan mereka yang terlibat terhadap perubahan yang berlaku, terutamanya penterjemah dan pembuat dasar negara. Fenomena ini wujud kerana perkembangan ilmu sains dan teknologi serta keperluan atau permintaan pengguna merupakan faktor luar kawalan.

**PERANAN PENTERJEMAHAN DALAM PEMBANGUNAN BANGSA & NEGARA**

Penterjemahan mempunyai makna yang sangat penting dalam pembangunan peradaban manusia kerana terjemahan boleh berfungsi sebagai kaedah untuk meningkatkan perkembangan dan peradaban umat manusia sebagai usaha pembangunan manusia dan masyarakat seutuhnya. Aktiviti penterjemahan merupakan kegiatan mengalih idea dan pemikiran konsep yang dibentangkan oleh penulis bahasa sumber kepada bahasa sasaran sehingga mampu meningkatkan dan memperkaya budaya serta merangsang kemajuan peradaban bangsa bahasa sasaran.<sup>(1)</sup> Kemajuan peradaban suatu bangsa termasuklah kemakmuran kebendaan, perkembangan nilai-nilai intelektual dan spiritual. Walau pun aktiviti penterjemahan telah bermula di Mesir dalam tahun 1799 tetapi setakat ini hanya beberapa negara sahaja

yang kemudiannya telah tersebar luas kepada seluruh masyarakat Jepun melalui terjemahan ke bahasa mereka sehingga mampu dibaca serta dipelajari oleh segenap rakyat Jepun.

Selain bangsa Jepun, sejarah juga telah membuktikan bahasa kebangkitan tamadun Arab dan Eropah adalah melalui pemindahan ilmu melalui terjemahan. Tamadun Arab bangkit selepas mereka menterjemah karya-karya daripada tamadun Hindu, Parsi, Yunani dan Itali. Tamadun Eropah pula telah bangkit selepas mereka berjaya menterjemah karya-karya daripada bahasa Arab ke semua bahasa Eropah. Pengajaran yang jelas daripada fakta di atas ialah bangsa yang aktif menterjemah mampu mengatasi bangsa asal sumber ilmu yang diterjemahkan. Fakta ini mempunyai implikasi yang hebat kepada wawasan negara untuk menjadi bangsa yang kuat, maju, disegani dan bermaruah di arena antarabangsa. Sejarah telah membuktikan bahawa kegiatan aktiviti penterjemahan merupakan salah satu strategi penting bagi mencapai matlamat tersebut, terutamanya wawasan negara untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Selain itu, selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan dan ilmu terulung di rantau Asia-Pasifik, langkah-langkah perlu dilakukan bagi memastikan pemantapan aktiviti penterjemahan dengan penumpuan kepada bidang-bidang penumpuan negara, seperti bidang perindustrian, pembuatan dan teknologi tinggi.

Pada ketika ini wujud dua teori untuk pembangunan ilmu melalui proses pengimportan ilmu, iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Pengimportan ilmu secara langsung melibatkan rakyat mempelajari bahasa asing (misalnya bahasa Inggeris) dan pendidikan disebarkan dalam bahasa asing yang dipinjam tersebut. Oleh sebab kebanyakannya bahasa asing yang dipelajari dan dipinjam merupakan bahasa dari negara maju, maka teori ini menegaskan negara peminjam juga boleh turut maju melalui kaedah peminjaman bahasa tersebut. Apabila bahasa tertentu dipelajari, secara langsung ilmu daripada bahasa tersebut turut dipelajari. Bukti sejarah telah menunjukkan bahawa kaedah ini tidak begitu berkesan, seperti yang berlaku terhadap contohnya India yang telah meminjam bahasa Inggeris selama lebih kurang 150 tahun, tetapi masih tetap ketinggalan. Begitu juga dengan negara-negara lain seperti Filipina, Ghana, Negeria, Kenya dan Uganda.

Pendekatan kedua menegaskan ilmu boleh diimport secara tidak langsung, iaitu melibatkan hanya segelintir rakyat yang mempelajari bahasa-bahasa asing yang mengandungi ilmu berkaitan, kemudian mereka akan menyebarkan ilmu tersebut kepada seluruh masyarakat dengan menggunakan bahasa ibunda bangsa berkaitan. Dalam konteks ini sejarah telah membuktikan beberapa negara telah maju dengan pendekatan sedemikian. Contohnya, negara-negara Eropah telah maju dengan mengimport ilmu dari bahasa Arab melalui terjemahan ke bahasa Eropah. Fenomena yang sama turut berlaku dengan negara Jepun yang telah berjaya maju dengan mengimport ilmu dari bahasa Eropah dan menyebarkannya dalam bahasa Jepun melalui proses terjemahan.

Oleh sebab pendidikan melalui bahasa Melayu telah terbukti berkesan untuk membangun masyarakat berilmu yang mampu membangun serta memajukan negara, maka penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan di semua peringkat patut dimantapkan. Aspek ini boleh dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan melalui proses terjemahan. Selain itu, pembelajaran dan penguasaan bahasa-bahasa ilmu asing juga perlu ditingkatkan supaya pengimportan ilmu yang sentiasa berkembang, hubungan diplomatik dan perdagangan boleh ditingkatkan sehingga negara mampu tetap bersaing dalam konteks globalisasi. Globalisasi ialah konsep perluasan asas dan pembentukan semula peluang pasaran serta daya saing tanpa batasan memerlukan perubahan yang radikal dalam kaedah pelaksanaan kerja dan pemikiran. Sejarah membuktikan negara-negara maju telah mencapai kemajuan dengan cara mengimport ilmu secara tidak langsung, iaitu melalui proses terjemahan, maka usaha menterjemah ilmu ke bahasa Melayu perlu ditingkatkan bagi menampung keperluan sistem pendidikan negara selaras dengan hasrat untuk melahirkan masyarakat berilmu dan menjadikan Malaysia pusat pendidikan antarabangsa.

### **Penterjemahan sebagai Kaedah Pemindahan Maklumat**

Karya terjemahan mesti memenuhi dua syarat utama supaya dianggap sebagai karya terjemahan yang baik, iaitu bahasa yang digunakan mesti mengikut tatabahasa bahasa sasaran dan maksud penulis asal telah berjaya disampaikan dengan sempurna dan jelas. Venuti<sup>(3)</sup> menyatakan bahawa sesuatu karya terjemahan dianggap berjaya oleh penyunting, penerbit, pengulas, pembaca dan penterjemah apabila bahasanya lancar, dan apabila dibaca tidak dirasakan sebagai karya terjemahan, iaitu memberikan

ialah pembiasaan dan pembiasaan yang berlaku dalam sesuatu bahasa. Untuk ini masyarakat pengguna perlu dibiarkan untuk membiasakan diri mereka dengan istilah-istilah yang telah dibina. Pembiasaan ilmu dalam bidang sains dan teknologi sudah tentu dapat membudayakan ilmu sains dan teknologi dalam masyarakat. Ilmu sains dan teknologi harus disebarluaskan dan difahami oleh rakyat dan rakyat harus dibudayakan dengan ilmu sains dan teknologi. Selanjutnya hakikat bahasa sebagai alat komunikasi mesti digunakan sepenuhnya untuk memahami sains dan teknologi. Bahasa Melayu mesti digunakan kerana ia lebih berkesan dan menyeluruh dalam menyampaikan ilmu.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif dalam mengembangkan pengetahuan teknologi yang perlu disebarkan bagi memastikan Malaysia muncul sebagai negara perindustrian menjelang tahun 2020. Salah satu usaha yang dititik beratkan ialah penyediaan buku-buku kejuruteraan, undang-undang, perubatan dan lain-lain ke dalam bahasa Melayu. Tujuan aktiviti ini ialah untuk membekalkan rakyat Malaysia dengan maklumat dan pengetahuan teknologi dalam bahasa Melayu supaya penyebarannya lebih mudah dan berkesan sehingga masyarakat dapat menghayati kandungan buku dengan lebih baik dan mampu menjadi tenaga kerja yang produktif, kreatif dan berinovasi tinggi.

Teks merupakan media yang sangat penting dalam pemindahan ilmu dalam semua bidang sains dan teknologi. Satu usaha yang cepat dan berkesan untuk pelaksanaan pemindahan ilmu sains dan teknologi ialah proses terjemahan yang dapat menyediakan bahan bacaan yang cukup dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang dihadapi, terutamanya oleh pengguna kerana teks terjemahan yang berfungsi sebagai penyebar ilmu perlu mengandungi beberapa aspek yang menggalakkan pengguna untuk terus membaca. Beberapa masalah yang dihadapi oleh pengguna bahan terjemahan, antaranya ialah penggunaan istilah yang tidak selaras dan tepat, tatabahasa dan cara penyampaian tidak sesuai dengan kumpulan sasaran, hubungan antara konsep dalam teks dengan hidupan harian serta perbezaan budaya antara penulis asal dengan penterjemah dan pengguna. Masalah-masalah ini menyukarkan pembaca untuk memahami teks yang diterjemah sehingga mengurangkan minat pembaca untuk terus membaca.

### **PENGARUH INTERNET TERHADAP PENTERJEMAHAN**

Internet merupakan cara terpantas untuk mengetahui mengenai penemuan baru, bahan penyelidikan dan hubungan perniagaan sehingga semua pihak lebih berminat untuk melayar dan membangun Internet. Proses penterjemahan dan peristilahan boleh dimantapkan dengan wujudnya kerjasama antara institusi pengajian tinggi, swasta dan awam sehingga mampu menghasilkan gedung istilah yang selaras penggunaannya. Interaksi oleh pihak-pihak yang terlibat boleh dipertingkatkan lagi melalui penggunaan Internet.

Melalui teknologi komputer, penemuan atau pembangunan baru boleh disebarkan secara global dalam beberapa saat melalui Internet dan pengguna boleh melayar Internet pada sebarang masa yang sesuai bagi mereka. Dengan teknologi komputer juga banyak data atau maklumat boleh disimpan, diperoleh semula, diproses dan dianalisis. Oleh kerana kebanyakan atau seluruh maklumat yang dihantar melalui komputer ditulis dalam bahasa Inggeris, maka peluang penterjemahan terbuka luas kepada bangsa yang tidak menggunakan bahasa Inggeris, memandangkan perkembangan yang begitu pesat dalam bidang teknologi maklumat dan lebuhraya maklumat. Walau bagaimana pun, oleh kerana negara maju yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama lebih menguasai atau memonopoli bidang Internet, maka timbul keadaan yang tidak seimbang mengenai sumber dan kuasa bagi negara membangun yang masih sentiasa bergantung kepada budaya negara-negara maju. Untuk memenuhi keperluan penyebaran maklumat yang pantas dan bersifat global, penterjemah perlu mengenal pasti keperluan infrastruktur yang meliputi pengetahuan dan pendidikan supaya mereka dapat bersaing serta turut secara aktif dalam semua aktiviti kehidupan masa depan. Dalam aspek pendidikan, penterjemah mesti mengetahui mengenai pengetahuan yang berkaitan dan dalam aspek pengetahuan, penterjemah mesti mempunyai kemahiran supaya mereka boleh menggunakan kemudahan yang disediakan oleh dunia siber atau Internet.

Dalam aspek terjemahan, Internet memberikan sistem terjemahan bermesin, perkhidmatan terjemahan, perisian terjemahan, pangkalan data, perbandingan bahasa, sumber bahasa, buletin penterjemah, pengumuman seminar dan penerbitan. Negara membangun perlu juga melihat keperluan negaranya. Kesan Internet terhadap penterjemahan berlaku dalam aspek penggunaan bahasa, konsep dan terminologi baru, pemilihan bahan dan kaedah pernyataan pesanan dan kawalan keselamatan.

pengetahuan mengenai komputer dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Dalam era globalisasi dan lebuhraya maklumat, penterjemah juga mesti dilengkapi dengan pengetahuan mengenai bahasa, bidang ilmu, komputer, isu-isu semasa global dan pembangunan, dan budaya yang berkaitan. Beberapa aspek yang perlu diberikan penekanan dalam aspek pengetahuan dan pendidikan global, termasuklah pendidikan bahasa, pembinaan pangkalan data penterjemahan, terminologi untuk mempercepat proses terjemahan, bahan terjemahan dan pengetahuan mengenai penggunaan komputer serta Internet.

Dalam konteks globalisasi, penterjemah turut bertanggungjawab terhadap pembentukan masa depan bangsa, terutamanya untuk menseimbangkan sumber dan kaedah layaran lebuhraya maklumat supaya dapat menyaingi penggunaan dan monopoli bahasa Inggeris.

### **PENGARUH TEKNOLOGI KOMPUTER TERHADAP PENTERJEMAHAN**

Dalam era teknologi maklumat, perkembangan teknologi komputer membangun dengan pesatnya. Komputer dengan bantuan tele-komunikasi telah menggantikan sumber maklumat insani. Komputer boleh digunakan untuk menterjemah beberapa bahasa secara serentak dengan pantas dan dalam kuantiti yang banyak. Penterjemahan berbantuan komputer sudah wujud di UTM dan USM yang berupaya mengambil alih atau membantu proses terjemahan dengan lebih cepat.

Oleh kerana jumlah maklumat yang wujud di dunia terlalu banyak serta bertambah dengan pesatnya, maka sukar bagi manusia untuk memperoleh dan mengelola maklumat dalam pelbagai bahasa tanpa bantuan komputer. Bagi mengatasi masalah ledakan maklumat, sistem komputer boleh digunakan bagi tujuan penterjemahan. Untuk mempercepat proses penterjemahan, projek penterjemahan berbantuan komputer telah juga dilaksanakan. Sistem ini melibatkan penyediaan perkakas serta kemudahan untuk pemproses perkataan pelbagai bahasa, pemformatan dokumen terjemahan, pengatur grafik, talian terus ke kamus-kamus serta pangkalan data peristilahan, perisian penyemak ejaan, morfologi dan tatabahasa. Sistem SISKEP yang telah dibangun oleh Universiti Sains Malaysia merupakan salah satu contoh yang berkaitan.<sup>(4)</sup> Sehubungan dengan ini, usaha-usaha mencipta sistem terjemahan berkomputer telah dimulakan sejak tamat perang dunia kedua lagi, terutamanya di United Kingdom, Perancis dan Jepun. Di Malaysia pula, aktiviti ini telah bermula sejak tahun 1980-an lagi. Sebagai contoh, Projek KANTA yang telah mula dilaksanakan oleh Universiti Teknologi Malaysia dan Dewan Bahasa & Pustaka dengan bantuan Kementerian Pendidikan Malaysia dan kerajaan Jepun telah bermula dalam tahun 1987.<sup>(5)</sup>

### **PENTERJEMAHAN DAN KEPERLUAN SEMASA**

Peristilahan merupakan asas kepada penterjemahan. Kedua-duanya adalah penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya supaya tidak tenggelam dalam arus pemodenan dan pembangunan negara. Strategi penterjemahan dan peristilahan perlu setanding dan selari dengan perkembangan teknologi maklumat. Pada masa ini, maklumat dan ilmu boleh didapati melalui pelbagai sumber media massa seperti Internet. Dengan ini, maklumat dan ilmu harus diungkap dengan baik dalam bahasa Melayu supaya penyebaran maklumat, pengetahuan, kemahiran dan teknologi dapat dimanfaatkan dan dipertingkatkan, seterusnya berupaya menyingkap minda dan gaya kehidupan masyarakat bagi memenuhi wawasan negara.

Di institusi pengajian tinggi, permasalahan bahasa juga merupakan isu, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Penggunaan istilah dan terjemahan yang bersesuaian merupakan masalah yang besar kepada para akademik supaya ia selari dengan penggunaan di sektor swasta dan kerajaan. Penggunaan sesuatu istilah harus diselaraskan supaya membawa makna yang difahami. Setelah sesuatu istilah dikenalpasti dan dipersetujui bersama, penggunaannya harus disegerakan dan dimantapkan supaya ia menjadi satu terminologi yang terungkap di minda masyarakat.

Keterbukaan penerimaan dan pembudayaan bahasa Melayu terutamanya dalam bidang sains dan teknologi oleh masyarakat harus dipergiatkan lagi bagi menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju dalam sains dan teknologi. Kejayaan dan kecemerlangan sesuatu bangsa tidak terletak pada penggunaan bahasa Inggeris sahaja. Pembudayaan bahasa Melayu kepada masyarakat Malaysia boleh dilakukan sekiranya dapat diwujudkan satu gedung istilah dan terjemahan yang mantap dan canggih, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Setiap bidang yang mempunyai atribut istilah yang

adalah besar dalam aspek membantu bangsa asing untuk mempelajari serta memahami bahasa Melayu sehingga akan memudahkan mereka turut serta dalam semua aktiviti yang dijalankan diperingkat antarabangsa. Penubuhan majlis ini berasaskan pertimbangan dan senario perkembangan semasa, termasuklah pertumbuhan minat masyarakat antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu. Sasaran kerajaan untuk mengembangkan bahasa Melayu ke peringkat ASEAN dan serantau dalam tahun 2005 dan peringkat Asia Pasifik menjelang tahun 2010 dan peringkat PBB dalam tahun 2020 akan menjadi kenyataan sekiranya masyarakat asing yang terbabit diberikan pendedahan terhadap bahasa Melayu. Untuk mempercepat proses ini aktiviti terjemahan boleh membantu dalam aspek pendidikan serta penyebaran maklumat yang berkaitan.

Langkah Jemaah Menteri mengarahkan semua stesen TV menggunakan bahasa Melayu 100 % untuk siaran berita pukul lapan boleh dianggap sebagai titik tolak penggunaan bahasa Melayu dengan lebih meluas. Untuk ini terjemahan merupakan jambatan penghubung atau penggalak penggunaan serta penguasaan bahasa Melayu oleh bangsa asing dengan lebih berkesan sehingga semua maklumat yang disiarkan dalam berita dapat difahami atau dihayati oleh semua golongan masyarakat.

Malaysia boleh memperkenalkan bahasa Melayu sebagai satu agenda dalam program menyebarkan maklumat Koridor Raya Multimedia (MSC) di seberang laut. Dasar langit terbuka dan MSC lebih merupakan satu ruang kemudahan yang antara lain boleh menonjolkan karya sastera agung Melayu dipelajari atau difahami oleh masyarakat antarabangsa. Dalam konteks ini terjemahan boleh membantu melalui terjemahan karya-karya tersebut ke bahasa dunia lain

Walau pun kerajaan telah membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran beberapa matapelajaran di universiti tetapi pada masa yang sama, Kerajaan tetap menegaskan untuk mengekalkan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dalam satu sistem pendidikan kebangsaan dengan bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar atau media utama pendidikan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Ini kerana penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan semata-mata untuk tujuan menimba ilmu dan hubungan antarabangsa. Dalam hubungan ini, kerajaan perlu tegas dalam menentukan polisi yang diamalkan. Jika bahasa Melayu akan dijadikan bahasa sains dan teknologi, perubahan perlu dilakukan dalam menggalakkan penulisan dan penterjemahan dalam bahasa Melayu. Peraturan tertentu juga perlu dikuatkuasakan bagi meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan harian. Pakar bidang pula perlu bekerjasama dengan pakar bahasa untuk membina pangkalan data terjemahan serta pemantapan istilah yang tepat. Pengguna juga harus turut serta dengan mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti harian mereka, terutamanya institusi pendidikan, sektor swasta dan agensi kerajaan. Penterjemah pula mesti melengkapkan diri dengan pengetahuan komputer, bahasa, budaya dan bidang yang berkaitan. Kaedah penerbitan dan pemasaran juga perlu diubahsuai supaya kos penerbitan bahan bacaan terjemahan yang tinggi dapat dikurangkan, misalnya penerbitan bahan terjemahan dalam bentuk CD-ROM dan perisian yang ditulis dalam bahasa Melayu perlu diterokai. Selain itu, penyebaran bahan terjemahan melalui Internet dan Jaring perlu dibangun bagi memastikan penggunaan bahan tersebut meningkat.

Walau pun kerajaan telah membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran beberapa matapelajaran di universiti tetapi pada masa yang sama, Kerajaan tetap menegaskan untuk mengekalkan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dalam satu sistem pendidikan kebangsaan dengan bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar atau media utama pendidikan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Ini kerana penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan semata-mata untuk tujuan menimba ilmu.

## KESIMPULAN

Untuk memastikan aktiviti terjemahan mampu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan tamadun manusia dan pembangunan negara serta bangsa selaras dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi, teknologi komputer dan maklumat serta ledakan maklumat dan konsep globalisasi, beberapa langkah perlu diambil. Antaranya ialah aktiviti penterjemahan dua hala harus dipergiatkan. Latihan penterjemahan perlu ditingkatkan dan dimasukkan dalam kurikulum pendidikan bahasa, penubuhan Persatuan Penterjemah Serantau perlu direalisasikan, pengiktirafan profesen penterjemah perlu ditingkat dengan sewajarnya, pemantapan dan penyeragaman istilah serta pembangunan pangkalan data peristilahan perlu dilakukan, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Selain itu, fokus aktiviti